



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld. **47(20)**

Tarikh : **24** Oktober 2025

Puan Low Shu Shian  
Pengarah Pemasaran  
Marketing and Enrolment Office  
IMU Main Campus  
126, Jalan Jalil Perkasa 19  
**57000 Kuala Lumpur**

Puan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI  
PROGRAM *IMU SCIENCE DISCOVERY CHALLENGE 2025* SECARA DALAM  
TALIAN ANJURAN IMU UNIVERSITY**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **IMU University** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program ***IMU Science Discovery Challenge 2025*** secara dalam talian pada **14 Julai hingga 20 September 2025**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak puan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Dr. Azurawati binti Wok Zaki** di talian **03-88841090** atau e-mel **azurawati.wzaki@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(AHMAD HARIDAN BIN HAJI MOHAMMED)**  
b.p. Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan

AWZ\_pengiktirafan\_program\_2025

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN  
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,  
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JENIS PELIBATAN**

| <b>JENIS</b>  | <b>TAFSIRAN</b>                                                                                                                                                                                                                                                           |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PELIBATAN I   | i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan.<br><br>ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.                   |
| PELIBATAN II  | i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival <b>secara bersemuka</b> atau <b>dalam talian</b> dan <b>tiada pemeringkatan</b> .<br><br>ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan.<br><br>iii. Peserta lawatan luar negara |
| PELIBATAN III | i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang <b>tiada interaksi peserta secara langsung</b> .<br><br>ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton                                             |

**SKOR PELIBATAN**

| <b>PERINGKAT</b>          | <b>SKOR</b>        |                     |                      |
|---------------------------|--------------------|---------------------|----------------------|
|                           | <b>Pelibatan I</b> | <b>Pelibatan II</b> | <b>Pelibatan III</b> |
| Antarabangsa              | 20                 | 15                  | 10                   |
| Kebangsaan                | 17                 | 12                  | 8                    |
| Negeri                    | 14                 | 10                  | 6                    |
| Bahagian (Sabah/ Sarawak) | 12                 | 9                   | 5                    |
| Zon/Daerah                | 11                 | 8                   | 4                    |

**SKOR PENCAPAIAN**

| <b>ELEMEN</b>    | <b>PERKARA</b> | <b>SKOR</b> |            |        |         |        |
|------------------|----------------|-------------|------------|--------|---------|--------|
| TAHAP PENCAPAIAN | PERINGKAT      | Johan       | Naib Johan | Ketiga | Keempat | Kelima |
|                  | Antarabangsa   | 20          | 19         | 18     | 17      | 16     |
|                  | Kebangsaan     | 17          | 16         | 15     | 14      | 13     |
|                  | Negeri         | 14          | 13         | 12     | 11      | 10     |
|                  | Daerah         | 11          | 10         | 9      | 8       | 7      |
|                  | Sekolah        | 8           | 7          | 6      | 5       | 4      |